

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Melepasi Sasaran Jualan TK2021 Dengan Pencapaian Jualan RM3.0 bilion

- Pelancaran baharu tertinggi bernilai RM3.7 bilion GDV dan purata kadar pembelian sebanyak 87%;
- Pencatatan pendapatan sebanyak RM2.2 bilion dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM268.3 juta direkodkan pada TK2021;
- Pencapaian keputusan suku keempat TK2021 yang kukuh didorong jualan sebanyak RM1.0 bilion dan pengebilan berperingkat yang baik.

ARA DAMANSARA, 24 FEBRUARI 2022 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan jualan sebanyak RM3.0 bilion untuk tahun kewangan penuh berakhir 31 Disember 2021 (“TK2021”). Pencapaian ini telah melepasi sasaran jualan RM2.4 bilion oleh Syarikat bagi TK2021, dan merupakan peningkatan tahun-ke-tahun (“YoY”) sebanyak 50.0% daripada tahun sebelumnya.

Syarikat telah berjaya mencatatkan jumlah pelancaran baharu tertingginya dengan 3,594 unit harta tanah bernilai RM3.7 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value / “GDV”*), serta purata kadar pembelian sebanyak 87% untuk pelancaran baharu sepanjang TK2021. Pencapaian jualan yang kukuh pada TK2021 juga telah meningkatkan keputusan kewangan Sime Darby Property berbanding tahun sebelumnya. Syarikat telah mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 7.6% kepada RM2.2 bilion, dan PBT yang melonjak 156.5% kepada RM268.3 juta; manakala keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat sebanyak 127.3% kepada RM136.9 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata pencapaian jualan dan kewangan Syarikat yang memberangsangkan adalah hasil daripada tumpuan terhadap pertumbuhan perniagaan dan pengurusan kos yang cekap sepanjang TK2021.

“Kami menyedari cabaran-cabaran akibat daripada COVID-19 dan telah memberikan tumpuan utama untuk mengurangkan impak terhadap perniagaan kami pada tahun lepas dengan membolehkan pelanggan kami untuk terus berhubung dengan wakil jualan dan perkhidmatan pelanggan. Syarikat telah menyediakan kemudahan pembelian atas talian yang lengkap untuk para pelanggan dalam usaha menyokong pelancaran strategik di semua perbandaran yang menampilkan produk-produk kediaman, gaya hidup (*lifestyle*) dan perdagangan. Kami akan terus berusaha untuk memacu

pertumbuhan perniagaan dan mencipta nilai melalui produk berkualiti kami pada TK2022 dan seterusnya. Terima kasih kepada para pelanggan dan semua pihak berkepentingan," kata Dato' Azmir.

Prestasi TK2021 Mengikut Segmen

Segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*) telah mencapai peningkatan jumlah pendapatan YoY sebanyak 7.7% kepada RM2,069.7 juta yang menyumbang 93.2% daripada jumlah pendapatan Syarikat. Segmen ini telah mencatatkan PBT sebanyak RM255.3 juta berbanding kerugian sebelum cukai ("LBT") TK2020 sebanyak RM354.7 juta. Secara keseluruhannya, pencapaian baik segmen ini adalah hasil kemajuan pembinaan dan jualan pelancaran produk kediaman dan perindustrian baharu yang telah siap di seluruh perbandaran-perbandaran utama Syarikat di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) pula menyumbang pendapatan sebanyak RM94.7 juta yang merupakan peningkatan YoY sebanyak 37.2% serta merekod PBT sebanyak RM27.0 juta. Peningkatan pendapatan ini adalah hasil sumbangan daripada KL East Mall. Segmen *Leisure* mencatatkan pendapatan dan LBT masing-masing sebanyak RM55.5 juta dan RM14.0 juta, menandakan pertambahan sebanyak 50% daripada kerugian tahun sebelumnya sebanyak RM28.1 juta.

Prestasi Suku Keempat TK2021 ("Q4 TK2021") berbanding Suku Keempat TK2020 ("Q4 TK2020")

Pencapaian pendapatan Sime Darby Property untuk Q4 TK2021 meningkat 4.8% kepada RM739.4 juta berbanding RM705.2 juta tahun sebelumnya, serta PBT sebanyak RM120.8 juta. Ini menandakan peningkatan keuntungan berbanding LBT sebanyak RM38.5 juta pada tahun sebelumnya. Syarikat telah mencapai jualan RM1.0 bilion pada Q4 TK2021 dan pengebilan berperingkat yang baik hasil daripada kemajuan pembinaan yang disambung semula dalam segmen Pembangunan Hartanah.

Prestasi Q4 TK2021 berbanding Q3 TK2021

Syarikat merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 90.4% suku-ke-suku ("QoQ"), hasil pemulihan yang berterusan dalam semua segmen selepas tamat sekatan pergerakan (*lockdown*) pada suku ketiga tahun lalu. Semua segmen mencatatkan keuntungan pada Q4 TK2021, hasil daripada pelonggaran sekatan pergerakan untuk aktiviti pembangunan hartanah, runcit dan *leisure*.

Pencapaian Kewangan dan Operasi

Kedudukan kewangan Sime Darby Property yang kukuh dibuktikan oleh baki tunai sebanyak RM909.7 juta pada 31 Disember 2021, dan pencapaian aliran tunai operasi positif sebanyak RM494.3 juta, serta nisbah hutang bersih yang sederhana sebanyak 32.0%. Jualan belum dibil Syarikat pula meningkat 50.0% YoY kepada RM2.4 bilion, memastikan keterlihatan pendapatan yang sihat untuk lebih tiga tahun yang akan datang.

Pencapaian jualan Syarikat pada TK2021 sebanyak RM3.1 bilion adalah setanding dengan pencapaian pra-pandemik pada TK2019, akibat keberkesanan usaha pemasaran dan jualan serta disokong oleh Kempen Pemilikan Rumah (“HOC”) serta kadar faedah yang rendah.

Pada TK2021, 44% daripada jualan dijana melalui projek-projek kediaman bertanah, 25% daripada kediaman bertingkat tinggi, 18% daripada produk perindustrian dan baki daripada produk komersial dan berkanun, menunjukkan peningkatan dalam usaha mempelbagaikan campuran produk.

Tempahan semasa setakat 6 Februari 2022 adalah berjumlah RM2.1 bilion, dengan baki inventori yang lengkap pada paras yang rendah sebanyak RM329.6 juta setakat 31 Disember 2021. Pelancaran baharu Syarikat pada TK2021 pula telah memperoleh purata kadar pengambilan sebanyak 87% setakat 6 Februari 2022. Penyerahan Pemilikan Kosong (*Handing Over of Vacant Possession / “HOVP”*) telah disempurnakan dalam 14 fasa untuk lebih daripada 3,129 unit sepanjang TK2021.

Prospek Bagi TK2022

Sime Darby Property akan meneruskan momentum positif yang dihasilkan tahun lepas dengan pelancaran strategik baharu bernilai RM2.8 bilion dalam GDV yang dirancang untuk TK2022. Pada Q1 TK2022, Syarikat akan melancarkan produk kediaman bertanah baharu dengan GDV bernilai RM571.0 juta di Bandar Elmina, Bandar Bukit Raja, Bandar Serenia, Bandar Ainsdale, Nilai Impian dan KL East; dan produk kediaman bertingkat tinggi dengan GDV bernilai RM156.0 juta di Putra Heights.

Dato’ Azmir berkata, “Inisiatif strategik Syarikat yang telah kami laksanakan sejak tahun lepas akan memangkin pertumbuhan kami menjadi sebuah syarikat harta tanah yang bersepadu. Melalui segmen Pelaburan & Pengurusan Aset Syarikat, kami telah memperkenalkan dana pembangunan industri melalui usaha sama dengan LOGOS Property, yang disasarkan akan memberikan sumbangan

sulung kepada pendapatan Syarikat pada separuh kedua TK2022. Syarikat juga akan menumpukan usaha untuk mengembangkan komponen runcit dan *placemaking* di perbandaran utama Sime Darby Property. Kami optimis dengan peluang pertumbuhan dalam sektor ini yang akan meluaskan aliran pendapatan berulang Sime Darby Property untuk jangka panjang.”

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan *Battersea Power Station* di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen *MSCI ACWI Small Cap Index* bertaraf *MSCI ESG BBB*, dan dinilai oleh *Carbon Disclosure Project*.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘*The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards*’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘*EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021*’, serta pemenang bagi anugerah ‘*Building Trust Awards 2021*’ PwC di bawah kategori indeks *FBM Mid 70*.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Media Contact: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

For General Enquiries please e-mail group.communications@simedarbyproperty.com